



SIARAN MEDIA

71 PERATUS WANITA BERUMUR 40 TAHUN KE ATAS TIDAK PERNAH MENJALANI UJIAN MAMOGRAM

KUALA LUMPUR, 20 OKT - Menyedari tahap kesedaran wanita yang masih rendah berkaitan kesihatan payudara, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) terus mempergiat kempen kesedaran dan pengesanan awal kanser payudara.

Ini dibuktikan melalui dapatan Tinjauan Kesihatan Kebangsaan dan Morbiditi 2023 yang menunjukkan 71 peratus atau 3 daripada 4 wanita berumur 40 tahun ke atas tidak pernah melakukan saringan ujian mamogram dan 46 peratus wanita berumur 18 tahun ke atas tidak melakukan pemeriksaan sendiri payudara bagi tempoh 12 bulan terakhir. Manakala bagi ujian pap smear sebanyak 65 peratus wanita berumur 20 tahun dan ke atas tidak melakukan ujian tersebut dalam tempoh tiga tahun terakhir. Perkara ini dinyatakan oleh YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat ketika menyempurnakan Majlis Kesedaran Kanser Payudara: *Body Perfect's the Power of Pink 2024* di Hotel Renaissance, Kuala Lumpur.

Tambah beliau, Statistik Laporan Daftar Kanser Kebangsaan Malaysia bagi tahun 2017-2021 turut merekodkan 50.5 peratus wanita yang menghadapi kanser payudara dikesan pada tahap 3 dan 4 meningkat berbanding pada tahun 2012-2016 sebanyak 48 peratus. Melihat kepada data yang membimbangkan ini, Dato' Sri Hajah Nancy menyeru para wanita untuk lebih peka dan sedar akan kepentingan penjagaan kesihatan terutamanya berkaitan payudara dengan melakukan pemeriksaan secara berkala bagi pengesanan awal kanser melalui saringan ujian mamogram. Hal ini bagi membolehkan penyakit itu dirawat awal dengan lebih berkesan sekaligus meningkatkan kadar kelangsungan hidup mereka.

Kerajaan telah menyediakan subsidi ujian mamogram secara percuma kepada kepada wanita yang layak dan pendaftaran bagi mendapatkan inisiatif ini boleh diakses melalui 50 buah Klinik Nur Sejahtera LPPKN di seluruh negara. Selain itu, KPWKM melalui LPPKN turut melaksanakan Kempen Kesedaran Kanser Reproduksi Wanita (WCaRe) bagi mempromosikan saringan awal kanser melalui Program Subsidi Ujian Mamogram serta Program Saringan Kanser Serviks (HPV DNA). Sehubungan itu, Dato' Sri Hajah Nancy berbesar hati menyampaikan *mock voucher* sebagai simbolik pemberian perkhidmatan saringan awal kanser reproduktif kepada wanita secara percuma sempena Bulan Kesedaran Kanser Payudara 2024.

Majlis Kesedaran Kanser Payudara: *Body Perfect's the Power of Pink 2024* merupakan anjuran *Body Perfect* yang diadakan setiap tahun sebagai tanda sokongan kepada Persatuan Kebajikan Kanser Payudara Malaysia (BCWA). Majlis ini lebih bermakna dengan kehadiran *Event Ambassador* Cik Grace Chan, selebriti dan Miss Hong Kong yang membicarakan “*How to Have It All*”, Dr Harjit Kaur, Pakar Bedah Payudara dan Endokrin dari *Prince Court Medical Centre* yang akan mengupas mengenai “*Breast Cancer in Young Women: Unique Challenges and Solutions*” dan Dr. Wan Nur Baiti Sudin, Pegawai Perubatan dari LPPKN mengenai “*The Power of Screening: Mammograms & HPV DNA*”.

Antara aktiviti yang dilaksanakan adalah pemeriksaan klinikal payudara, ceramah kesihatan oleh pegawai perubatan, pendaftaran Subsidi Ujian Mamogram, demonstrasi pemeriksaan sendiri payudara (BSE), ujian HPV DNA, demonstrasi memasak makanan sihat, aktiviti santai tarian latin dan persembahan violin dan pelbagai aktiviti menarik yang lain.

Turut hadir pada majlis hari ini ialah YBrs. Tuan Haji Abdul Shukur Abdullah, Ketua Pengarah LPPKN, YBrs. Puan Sri Akmal Abdul Salam, Patron BCWA dan YBrs. Puan Mandy Tan, Pengarah Urusan Body Perfect Sdn. Bhd.

####

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT
20 OKTOBER 2024**